



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**6 Ogos 2021**  
**27 Zulhijjah 1442H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kolam ikan keli punca parit tercemar</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 10 tahun air sungai Masai warna hitam</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>New Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysiakini</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernamea</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Borneo Post (Kuching)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Free Malaysia Today</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		25	6/08/2021

## Kolam ikan keli punca parit tercemar

**SUNGAI PETANI:** Kolam ternakan ikan keli yang beroperasi secara haram didakwa menjadi punca air di sebatang parit berdekatan tercemar di Kampung Guar Lobak dan Tanjung Kemian, Sidam Kanan di sini sejak 10 tahun lalu.

Keadaan tersebut didakwa berlaku selepas kolam ternakan terbabit melepaskan air buangan yang kotor ke dalam parit terbabit ketika kerja-kerja pembersihan kolam berkenaan.

Difahamkan terdapat kira-kira lima kolam ternakan ikan keli dibina di kawasan seluas satu hektar itu.

Pengerusi Gabungan Persatuan Penduduk Guar Lobak dan Tanjung Kemian, Sidam Kanan di sini, **Abd. Rahim Jaafar**, 65, berkata, pencemaran air di parit tersebut semakin serius apabila air bertukar warna dan berbau busuk.

Menurutnya, air yang dilepaskan dari kolam ternakan itu dipercayai kotor kerana mengandungi bahan buangan sisa-sisa makanan dan ubat-ubatan.

“Pihak pengurusan kolam ikan keli itu sepatutnya melakukan rawatan air terlebih dahulu untuk mengelakkan berlaku pencemaran dan berbau busuk,” katanya ketika ditemui di sini

semalam.

Menurutnya, penduduk menggesa pihak berkuasa terlibat menyiasat pencemaran air di parit tersebut dan mengambil tindakan terhadap pihak pengurusan kolam ternakan ikan berkenaan.

Seorang penduduk, **Harun Mat Rejab**, 36, berkata, parit tersebut sebelum ini merupakan lubang beberapa spesies ikan seperti lampam, baung, haruan, puyu dan sepat ronggeng.

Bagaimanapun, tambahnya, kebanyakan ikan tersebut di parit tersebut telah mati dan pupus.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	14	6/08/2022



**MASALAH** air Sungai Masai, Pasir Gudang yang berwarna hitam berlarutan sejak 10 tahun lalu dan tiada jalan penyelesaian.

## Nelayan bimbang hasil laut turut tercemar 10 tahun air Sungai Masai warna hitam

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

**PASIR GUDANG** - Penduduk kampung berhampiran Sungai Masai, di sini terus bingung isu pencemaran sungai yang berwarna hitam dan berbau busuk terus berlarutan di kawasan itu sejak lebih 10 tahun yang lalu.

Ahli Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) Zon Rinting II, Mohd. Azizi Mohamad berkata, isu pencemaran cukup sinonim dengan sungai tersebut dan keadaan bertambah teruk ketika hujan lebat.

Katanya, biarpun banyak aduan yang disuarakan, namun hingga kini masih belum ada langkah penyelesaian jangka panjang diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Tambahnya, hasil maklum balas diterima sebelum ini, pembuangan air kumbahan dari tepi kumbahan berhampiran, dipercayai menjadi punca utama ber-



**MOHD. AZIZI**

lakunya pencemaran di sungai itu hingga bertukar kehitaman dan berbau busuk.

"Berdasarkan aduan yang baharu diterima hari ini, warna sungai kembali bertukar warna kehitaman dan terdapat bau. Saya kurang pasti puncanya tetapi keadaan tetap sama seperti pencemaran berlaku sebelum ini."

Keadaan ini bukan sahaja mendatangkan rasa kurang senang dengan bau meloyakan, malah penduduk turut menang-

kap hasil laut di sungai berhampiran yang mungkin turut tercemar. Ini secara tidak langsung menjejaskan habitat hidupan laut itu.

"Saya berharap pihak berkuasa tempatan termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil tindakan sewajarnya yang proaktif agar isu pencemaran dapat ditangani dan tidak lagi berulang," katanya kepada pemberita.

Dalam pada itu, Pengerusi Persekutuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, Sungai Masai menjadi lokasi tumpuan golongan nelayan dari perkampungan Orang Asli, Kampung Pasir Gudang Baru dan Kampung Kuala Masai untuk mendapatkan hasil laut.

Katanya, isu pencemaran sungai itu menjejaskan mata pencarian golongan nelayan setelah keadaan sungai tidak lagi setamai untuk menjadi habitat hidupan laut itu.